

KESAN HEDONISME KEPADA GENERASI MUDA: KAJIAN KES DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA, KAMPUS PAGOH

*(Effect of Hedonism on Young Generation: A Case Study in Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia, Pagoh Campus)*

Shahidah Hamzah, Nur Hafizah Yusoff, Fauziah Ani & Zahrul Akmal Damin

ABSTRAK

Hedonisme merupakan budaya baru yang wujud kesan daripada proses globalisasi yang berlaku dengan pesat. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti faktor dan kesan hedonisme ini mudah menyerap dalam semua peringkat umur khususnya kanak-kanak dan remaja. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu menggunakan borang kaji selidik dan 150 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah dipilih. Dapatan kajian dianalisa oleh pengkaji dengan membuat peratusan terhadap data yang diperolehi. Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat lima faktor utama penularan hedonisme ini iaitu diri sendiri, pengaruh institusi kekeluargaan, rakan sebaya, media massa dan persekitaran. Selain itu, terdapat pelbagai implikasi daripada penularan budaya ini yang boleh mengganggu gugat kemaslahatan masyarakat seperti kemakmuran dan kesejahteraan negara terganggu, peningkatan terhadap kes jenayah, sikap boros dan bermewah, melahirkan masyarakat yang semakin malas serta peningkatan dalam kadar pengangguran.

Kata Kunci: Hedonisme; generasi muda; mahasiswa; faktor; kesan

ABSTRACT

Hedonism is a new culture that exists as a result of the rapid globalization process. The purpose of this study is to identify the factors and effects of this hedonism which easily absorbed in all ages especially children and adolescents. This study used quantitative approach by using a survey form and a total of 150 respondents consisting of selected students of Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. The findings of the study were analyzed by making a percentage of the data obtained. Overall, the results of the study show that there are five main factors in the spread of hedonism, namely self, the influence of family institutions, peers groups, mass media and the environment. In addition, there are various implications from the spread of this culture that can interfere the welfare of society such as the prosperity and well-being of the country threatened, the increase in criminal cases, extravagance and luxury, increasingly lazy society and increase in the unemployment rate.

Keywords: Hedonism; young generation; students; factor; effect

PENGENALAN

Kemajuan teknologi terutamanya dalam bidang komunikasi membantu manusia berinteraksi antara satu sama lain tanpa batas tempat atau waktu. Globalisasi merupakan zaman di mana perkembangan teknologi bergerak sangat pantas dan pesat. Media sosial merupakan salah satu medium utama yang diakses oleh pelbagai peringkat umur. Tidak semua individu mampu mengadapasi dengan baik penggunaan teknologi ini. Teknologi telah menyebabkan berlakunya perubahan gaya hidup masyarakat. Menurut Adler dlm. Alwisol (2011), gaya hidup merupakan kaedah unik setiap individu bagi mencapai tujuan khusus yang telah ditentukan oleh individu terbabit dalam kehidupannya. Setiap individu akan memilih gaya hidup berasaskan kehendak masing-masing.

Menurut pandangan ahli falsafah, hedonisme terbahagi kepada dua iaitu hedonisme psikologi dan hedonisme etika. Menurut Parkinson et. al (1996), hedonisme psikologi merujuk kepada individu yang sentiasa mengambil tindakan yang difikirkan dapat memberi kenikmatan terbesar kepada mereka serta memilih sesuatu perkara yang difikirkan dapat memberikan lebih banyak kebahagiaan dan mengurangkan kesakitan kepada mereka manakala hedonisme etika iaitu manusia seharusnya melakukan sesuatu tindakan yang dapat menghasilkan kenikmatan dan kebahagiaan terbesar kepada mereka dan hidonisme ini dikenali sebagai hedonisme etika universal (Parkinson et. al.,1996).

Hedonisme merupakan antara kesan globalisasi yang berlaku pada hari ini. Menurut Kamus Malaysiana, hedonisme merupakan suatu pola pemikiran yang menjelaskan bahawa memaksimumkan keseronokan adalah perkara terbaik dan amat disukai dalam menjalani kehidupan. Budaya hedonisme ini berpaksikan keinginan manusia untuk mendapatkan kemewahan yang melampau seperti berbelanja secara berlebihan diluar batasan kemampuan ekonomi masing-masing. Hedonisme turut dikaitkan dengan pengaruh penerimaan budaya-budaya daripada luar contohnya barat dan Korea. Pengikut budaya-budaya baharu ini akan meniru simbol-simbol kebudayaan luar seperti muzik, makanan, fesyen, produk kecantikan dan bahasa seharian.

Menurut Nalewajek dan Macik (2013), perkembangan media sosial mendorong individu untuk menunjukkan dirinya sehinggalah menjadi perhatian. Media sosial akan memainkan peranan dalam memperlihatkan kegiatan individu contohnya melalui *Instagram*, individu akan memuatnaik gambar seperti kehidupan mewah, atau mengerjakan sesuatu tugas sebagai gaya hidup hedonism. Hal ini kerana, individu akan cenderung untuk menunjukkan apa yang dimiliki seperti pakaian contohnya *outfit of the day* (OOTD) mahupun cara hidup masing-masing.

Golongan muda cenderung dan terdedah untuk memiliki gaya hidup hedonisme ini kerana mereka merupakan golongan yang dilahirkan dalam era globalisasi ini. Menurut Imam Al-Ghazali “Jika mahu melihat masa hadapan sesebuah negara, maka lihatlah keadaan anak muda hari ini”. Ini jelas menunjukkan bahawa golongan muda memainkan peranan yang sangat penting dalam kemajuan dan kemakmuran negara. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti punca dan kesan hedonisme terutamanya kepada generasi muda.

SOROTAN LITERATUR

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, hedonisme didefinisikan sebagai pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup. *Oxford English Dictionary* pula mendefinisikan hedonisme sebagai satu teori etika atau doktrin yang menjelaskan bahawa keseronokan merupakan tahap kebaikan tertinggi atau matlamat akhir sesuatu tindakan yang dilaksanakan seharian. Fahaman ini telah didukung oleh Aristipus yang merupakan salah seorang murid falsafah Yunani yang terkenal iaitu Socrates. Budaya hedonisme mampu menjadi agen penghakis amalan tradisi dalam sesuatu budaya. Contohnya melalui media hiburan yang dibawa dari Barat, generasi muda telah didedahkan dengan alat pertuturan yang kasar, gaya pemakaian yang menjolok mata dan cara pergaulan yang bebas.

Menurut Jeremy Bentham (1748), hedonisme mempunyai hubungan secara tidak langsung dengan fitrah yang menghubungkan manusia dengan faktor kegembiraan dan kesakitan. Faktor ini akan mempengaruhi kehidupan manusia dalam mengambil sesuatu tindakan seperti menunjukkan apa yang mesti dilakukan di samping menentukan sesuatu tindakan yang patut dilakukan.

James Stuart Mill (1992) beranggapan bahawa keseronokan merupakan kebaikan dan kesakitan adalah kejahatan. Pendapat ini secara tidak langsung mempunyai persamaan dengan pandangan Jeremy Bentham iaitu sesuatu perkara yang baik merupakan keseronokan atau kebahagiaan yang akan sentiasa dilakukan dan perkara yang tidak baik merupakan kesakitan. Sesuatu keadaan itu dianggap lebih baik sekiranya keseronokan melebihi kesakitan.

Selain itu, Sidgwick (1981) pula menyarankan individu yang menjalani gaya hidup hedonisme ini perlu peka terhadap tindakan yang mendatangkan impak kepada keseronokan dan kebahagiaan tersebut. Peranan mereka adalah meningkatkan nisbah pengalaman menyeronokkan dan mengurangkan nisbah kesakitan. Namun begitu, terdapat satu aliran dalam hedonisme yang mendakwa jika wujud sesuatu prinsip moral dalam masyarakat yang menjadi penghalang di dalam mencapai kebahagiaan, maka prinsip tersebut sepatutnya diingkari. Ini bermaksud, kebahagiaan dan keseronokan merupakan matlamat utama dalam budaya hedonisme sehingga dibenarkan melanggar prinsip moral tersebut.

Selain itu, Socrates (469-399 S.M.) dalam penulisannya menyatakan bahawa tujuan kehidupan manusia ialah mencari kebahagiaan. Matlamat utama dalam kehidupan manusia adalah mencapai kebahagiaan jiwa. Menurut Socrates, manusia perlu mengenali dirinya sendiri yang memiliki 'diri yang nyata'. Kebahagiaan yang nyata terdapat dalam pengenalan diri yang nyata tersebut. Apabila seseorang individu mengenal siapa dirinya, individu tersebut akan mengetahui kaedah yang sebaik-baiknya untuk dilakukan bagi mencapai kebahagiaan.

Laporan Sinar Harian (2013) menjelaskan terdapat pelbagai punca budaya hedonisme ini menular dalam kalangan masyarakat kita pada hari ini. Sebagai sebuah masyarakat, semua pihak harus mengambil berat isu ini kerana hedonisme telah menjajah dan menghanyutkan pemikiran serta minda masyarakat dalam semua peringkat umur terutamanya golongan kanak-kanak dan remaja.

Melalui perkembangan media massa, hedonisme ini dapat menular ke negara ini dengan begitu pantas dan mudah. Secara umumnya, hedonisme itu boleh dianggap neokolonialisme yang dikhususkan serangannya kepada generasi muda oleh pihak barat. Pelbagai konsep dan cara

hidup seperti cara hidup minum arak, melepak, mengunjungi pesta hiburan, seks bebas, parti liar serta budaya-budaya negatif yang lain. Secara umumnya, hedonisme mementingkan kepuasan nafsu semata-mata tanpa wujudnya sebarang panduan atau batasan tertentu terutamanya ajaran agama.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Beurah et. al. (2015) menunjukkan terdapat lima faktor utama yang menyebabkan hedonisme menyerap masuk ke dalam diri individu. Faktor-faktor tersebut ialah sikap individu itu sendiri, latar belakang keluarga, rakan sebaya, media massa dan persekitaran.

Kajian yang dijalankan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (2010) mendapati, kegagalan individu dalam bidang akademik mempunyai hubungan yang signifikan dengan gaya hidup mereka. Sikap malas dan tidak berminat dalam bidang akademik akan menyebabkan golongan ini memilih gaya hidup hedonisme seperti ponteng kelas, melepak di pasara raya, mengunjungi *cyber cafe*, serta berkawan dengan rakan-rakan yang tidak bersekolah. Ini akan memudahkan individu tersebut mudah terjerumus kepada gaya hidup yang lebih ekstrim seperti menghisap rokok, mencuri, menghisap dadah dan pelbagai salah laku yang lain.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Badruzaman (2006) menjelaskan keruntuhan dalam institusi kekeluargaan adalah punca kepada peningkatan gaya hidup hedonisme ini kerana ibu bapa merupakan individu yang paling bertanggungjawab untuk mencorakkan masa hadapan anak-anak mereka. Mereka tidak boleh menyerahkan proses pendidikan anak-anak kepada pihak sekolah dan guru semata-mata. Seorang guru hanya dapat meluangkan masa selama lima hingga tujuh jam seminggu bersama-sama pelajar. Di sesetengah sekolah guru juga terpaksa mengawasi sesebuah bilik darjah yang bilangan pelajarnya menjangkau 40 hingga 50 orang. Hal ini menyebabkan guru menghadapi kesukaran dalam melakukan perhubungan interpersonal dengan setiap pelajar di dalam kelas yang diajar. Oleh itu, aspek kekurangan perhatian menyebabkan golongan muda terutamanya kanak-kanak dan remaja akan mencari hiburan di luar dan seterusnya akan mempengaruhi cara hidup mereka. Sekiranya individu tersebut terpengaruh dengan gaya hidup positif ianya akan meningkatkan tahap keyakinan, kesedaran dan sebagainya tetapi jika sebaliknya berlaku ia akan memudaratkan individu terbabit.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Suseladevy a/p Muthusamy (2004), mendapati pengaruh rakan sebaya adalah ejen sosialisasi dan merupakan komponen yang signifikan (95.2%) terhadap individu yang membawa kepada tingkah laku ponteng kelas dan ponteng sekolah. Selain itu, hubungan rapat, bilangan kawan yang menjadi 'klik' dan kelompok, menetapkan norma-norma dan berkongsi pemikiran juga turut mempengaruhi tingkah laku remaja. Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Asmah dan Zulekha dlm. Zakiyah Jamaluddin (2004) pula mendapati rakan sebaya merupakan faktor yang paling dominan diikuti oleh perasaan suka mencuba, melepaskan tekanan, pengaruh media dan ingin mendapatkan perhatian.

Beurah et. al. (2015), menjelaskan media massa seperti televisyen dan internet pada masa kini mempunyai pengaruh yang sangat meluas terutama terhadap golongan remaja. Pelbagai konsep dan cara hidup seperti cara hidup *happy go lucky*, melepak, mengunjungi pesta hiburan, seks bebas dan aktiviti tidak bermoral lain. Melalui media massa, unsur-unsur budaya hedonisme yang memaparkan budaya suka berhibur secara berlebihan di samping pelbagai aksi ganas boleh ditonton dengan bebas termasuklah oleh golongan remaja yang masih di bangku sekolah. Budaya ini begitu cepat menular dalam kalangan remaja dan seterusnya akan mempengaruhi gaya hidup

mereka terutamanya dengan keseronokan dan aktiviti yang dianggap dapat menghilangkan rasa bosan contohnya seks bebas, *lesbian, gay, bisexual and transgender* (LGBT), penyalahgunaan dadah, pil *Ecstasy* dan pelbagai gaya hidup negatif yang lain.

Kajian oleh Azlina et al. (2007) menyimpulkan bahawa faktor-faktor persekitaran boleh mempengaruhi konsep sendiri remaja, hubungan sosial dan keadaan psikologi remaja. Keadaan dalam rumah, hubungan kekeluargaan dan kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan pendidikan anak-anak akan memberi impak yang besar terhadap perkembangan anak-anak remaja mereka. Penularan budaya negatif daripada barat seperti LGBTTQQAAP (*lesbian, gay, bisexual, transgender, transsexual, queer, questioning, intersex, asexual, ally, pansexual*), *Black metal*, penyalahgunaan dadah dan sebagainya menyebabkan budaya ini semakin menular.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa hedonisme merupakan satu gaya hidup negatif dan perlu dihapuskan kerana gaya hidup ini boleh menyebabkan pelbagai isu sosial lain seperti perpecahan, penentangan terhadap norma hidup positif dan boleh merosakkan fahaman akidah seseorang dan akhirnya akan mengagalkan usaha membina masyarakat yang sempurna, dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Instrumen utama yang digunakan dalam proses pengumpulan data kajian ialah borang soal selidik. Responden terdiri daripada 150 mahasiswa dan mahasiswi Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Kaedah persampelan rawak telah digunakan dalam kajian ini di mana *google form* dijadikan sebagai medium utama dalam proses tersebut.

Soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian di mana bahagian A berkaitan dengan demografi responden, bahagian B berhubung dengan faktor yang menyuburkan budaya hedonisme dan bahagian C pula untuk melihat kesan budaya hedonisme. Bahagian B menggunakan Skala Guttman iaitu skor “ya” atau “tidak” dan bahagian C menggunakan Skala Likert lima markat iaitu 1-sangat tidak bersetuju, 2-tidak bersetuju, 3-tidak pasti, 4-setuju dan 5-sangat setuju. Dapatan data di dalam kajian ini dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratusan dan min.

DAPATAN KAJIAN

i) Profil Umum Responden

Terdapat tiga (3) soalan pada bahagian ini iaitu; (i) jantina, (ii) umur dan (iii) etnik. Maklumat daripada bahagian ini bertujuan untuk mengetahui latar belakang responden yang terlibat dalam kajian. Jadual 1 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden yang terlibat.

Berdasarkan Jadual 1, responden kajian ini terdiri daripada 150 orang meliputi 53% merupakan mahasiswa perempuan dan 47% mahasiswa lelaki. Dalam aspek umur, 64 peratus berada dalam lingkungan umur kurang daripada 20 tahun dan 36 peratus berumur antara 21 hingga 30 tahun.

Dalam aspek etnik, didapati mendapati majoriti responden adalah etnik Melayu iaitu seramai 80 orang bersamaan 53% dan diikuti etnik Cina seramai 35 orang bersamaan 23%. Seterusnya, responden dalam kalangan etnik India mempunyai bilangan seramai 25 orang bersamaan 17% dan lain-lain etnik adalah seramai 10 orang bersamaan 7%.

Jadual 1: Profil Responden

Latar belakang responden		Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	70	47
	Perempuan	80	53
Umur	< 20 tahun	96	64
	21 – 30 tahun	54	36
Etnik	Melayu	80	53
	Cina	35	23
	India	25	17
	Lain-lain	10	7

ii) Faktor yang Menyuburkan Hedonisme

Terdapat lima (5) soalan pada bahagian ini iaitu; (i) faktor sikap ingin tahu individu merupakan pemangkin kepada kemunculan budaya hedonisme, (ii) faktor keluarga seperti ibu bapa yang berpisah dan sibuk menyebabkan budaya hedonisme semakin berleluasa, iii) sikap ibu bapa yang kurang memberikan pengawasan kepada anak-anak juga memberi peluang kepada remaja-remaja ini untuk keluar menghabiskan masa terluang dengan aktiviti yang tidak bermanfaat, (iv) media sosial banyak memberi pengaruh kepada budaya hedonisme, dan (v) rakan sebaya merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pembentukan tingkah laku hedonisme. Jadual 2 menunjukkan hasil kajian bagi faktor tersebut.

Jadual 2: Faktor yang Menyuburkan Hedonisme

Faktor	Ya		Tidak	
	Kekerapan	Peratus (%)	Kekerapan	Peratus (%)
Sikap ingin tahu	129	86	21	14
Perpecahan keluarga	114	76	36	24
Kurang pengawasan daripada ibu bapa	147	98	3	2
Media sosial	144	96	6	4
Rakan sebaya	132	88	18	12

Berdasarkan Jadual 2 diatas, majoriti responden bersetuju bahawa sikap ingin tahu, perpecahan keluarga, kurang pengawasan daripada ibu bapa, media sosial serta rakan sebaya

menjadi faktor utama yang menyuburkan hedonisme ini tersebar dan berkembang kepada semua lapisan masyarakat. Jika dilihat daripada jadual 2, 86% responden bersetuju bahawa sikap ingin tahu individu merupakan pemangkin kepada kemunculan budaya hedonisme dan hanya 14% sahaja tidak bersetuju.

Bagi soalan kedua iaitu keluarga seperti ibu bapa yang berpisah dan sibuk menyebabkan budaya hedonisme semakin berleluasa menunjukkan hanya 24% tidak bersetuju dan 76% bersetuju. Pernyataan ketiga iaitu “sikap ibu bapa yang kurang memberikan pengawasan kepada anak-anak juga memberi peluang kepada remaja untuk keluar menghabiskan masa terluang dengan aktiviti yang tidak bermanfaat” menunjukkan 98% bersetuju dan hanya 2% tidak bersetuju.

Dapatan kajian bagi pernyataan keempat iaitu “media sosial banyak memberi pengaruh kepada budaya hedonisme” menunjukkan 96% bersetuju dan 4% tidak bersetuju dan dapatan soalan terakhir iaitu “rakan sebaya merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pembentukan tingkah laku hedonisme” menunjukkan 88% bersetuju bahawa rakan sebaya mamainkan faktor tersebut manakala 12% tidak bersetuju.

Hasil dapatan ini selaras dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Beurah et. al. (2015), Azlina et al. (2007), Asmah dan Zulekha dlm. Zakiyah Jamaluddin (2004), Suseladevy a/p Muthusamy (2004) dan Badruzaman (2006) di mana diri sendiri, keluarga, rakan sebaya dan media massa merupakan faktor utama budaya hedonisme ini berkembang dan tersebar kepada masyarakat.

iii) Kesan budaya Hedonisme

Terdapat enam (6) soalan pada bahagian ini iaitu; (i) budaya hedonisme akan menyebabkan kemakmuran dan kesejahteraan negara semakin tergugat, (ii) statistik jenayah sosial dalam kalangan remaja dan belia akan meningkat sekiranya budaya hedonisme semakin menular, (iii) budaya hedonisme akan menyebabkan generasi muda pada masa kini lupa akan matlamat hidup yang sebenar, (iv) sikap boros dan suka bermewah merupakan kesan budaya hedonisme, (v) budaya hedonisme akan menyebabkan individu semakin malas dan (vi) Budaya hedonisme menyebabkan kadar pengangguran semakin meningkat. Jadual 3 menunjukkan hasil kajian bagi dapatan tersebut.

Jadual 3: Kesan budaya hedonisme

Kesan	Peratus (%)				
	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Pasti	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
Kemakmuran dan kesejahteraan negara tergugat	40	32	18	4	6
Jenayah sosial akan meningkat	42	42	12	2	2
Generasi muda lupa matlamat hidup yang sebenar	46	42	10	0	2

Sikap boros dan suka bermewah	44	32	20	2	2
Individu semakin malas	36	42	12	8	2
Kadar pengangguran semakin meningkat	28	28	30	8	6

Dapatan kajian mendapati bahawa majoriti responden bersetuju bahawa terdapat enam kesan utama sekiranya hedonisme ini terus berkembang dan ianya akan memberi implikasi kepada negara, masalah sosial dan ekonomi. Pernyataan pertama iaitu “budaya hedonisme akan menyebabkan kemakmuran dan kesejahteraan negara semakin tergugat” menunjukkan 72% responden bersetuju dan sangat bersetuju manakala 18% tidak pasti dan 10% tidak bersetuju. Ini boleh berlaku kerana sekiranya setiap individu turut mengamalkan budaya hedonisme, ianya akan menyebabkan mereka bersikap kemewahan. Kemewahan ini menjadikan hati manusia menjadi kasar, hilang kepekaan dan merosakkan fitrah manusia. Apabila mereka berfikir cara yang salah semasa mengejar kemewahan ini, mereka turut akan melibatkan diri dalam jenayah untuk mendapatkan wang. Secara tidak langsung ini akan menyebabkan kemakmuran dan kesejahteraan negara terjejas.

Dapatan bagi pernyataan kedua pula iaitu “statistik jenayah sosial dalam kalangan remaja dan belia akan meningkat sekiranya budaya hedonisme semakin menular” pula menunjukkan 84% setuju dan sangat bersetuju, 12% tidak pasti dan 4% tidak bersetuju. Golongan remaja mudah terdedah kerana tidak dapat mengawal nafsu dengan baik. Untuk mendapatkan apa yang diinginkan, mereka sanggup melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sah untuk mencari wang seperti penipuan, kecurian maklumat, judi siber, skim cepat kaya dan sebagainya. Hal ini akan berlaku sekiranya budaya hedonisme semakin menular.

Kebanyakan responden menyatakan bahawa mereka sangat setuju budaya hedonisme akan menyebabkan generasi muda pada masa kini lupa akan matlamat hidup yang sebenar. Seramai 84% responden setuju dan 10% responden tidak pasti sama ada budaya hedonisme akan menyebabkan generasi muda pada masa kini akan lupa akan matlamat hidup yang sebenar atau tidak. Tidak ada responden yang tidak setuju tetapi terdapat 2% responden sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Budaya hedonisme ini diertikan sebagai kepuasan rasa dan kenikmatan dijadikan sebagai ukuran tingkah laku sesuatu perbuatan. Hedonisme ini menilai kebaikan hanya berdasarkan kepada keseronokan semata-mata. Hal ini akan menyebabkan penganut budaya ini turut lupa akan matlamat hidup yang sebenar. Matlamat hidup mereka hanyalah terus mengejar kehidupan yang memfokuskan kepada kemewahan dan menyebabkan mereka kehilangan diri mereka sendiri, keluarga dan rakan mereka.

Berdasarkan analisis yang dijalankan terhadap pernyataan 4 menunjukkan, sebanyak 76% sangat setuju dan setuju bahawa sikap boros dan suka bermewah merupakan kesan budaya hedonisme, 20% responden berasa tidak pasti dan 4% berasa sangat tidak setuju bahawa sikap boros dan suka bermewah merupakan kesan budaya hedonisme.

Dapatan pernyataan lima menunjukkan sebanyak 78% sangat setuju dan setuju, 12% berasa tidak pasti dan 10% berasa tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju bahawa budaya hedonisme akan menyebabkan individu semakin malas.

Berdasarkan analisis di atas, bilangan responden yang sangat setuju dan setuju bahawa budaya hedonisme menyebabkan kadar pengangguran semakin meningkat adalah sebanyak

56%, 30% responden berasa tidak pasti dan 14% responden berasa tidak setuju dan sangat tidak bersetuju. Budaya hedonisme ini yang menyebabkan remaja kerap mengejar kemewahan dan tidak mahu bekerja dalam jangka masa yang panjang dan letih untuk mendapat gaji yang terhad yang tidak mampu memenuhi perbelanjaan mereka. Selain itu, remaja yang sedang belajar turut akan lupa akan matlamat hidup mereka dan mengabaikan pelajaran mereka. Ini seterusnya akan menyebabkan kadar pengangguran meningkat. Ini dapat dilihat berdasarkan laporan media tempatan mendapati Malaysia berada dalam kedudukan ketiga tertinggi di Asia bagi jumlah isu “sugardaddy” (Utusan Malaysia Online, 2021). Ini menunjukkan hedonisme memberikan kesan yang sangat besar dalam aspek pembangunan diri mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini bertitik tolak daripada permasalahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat pada masa kini yang lebih tertumpu kepada golongan muda dan kanak – kanak ataupun lebih dikenali sebagai ‘Generasi Z’. Ledakan teknologi yang serba canggih sepanjang peradaban manusia pada masa kini menjerumus kepada faktor berlakunya budaya hedonisme ini dan lebih membimbangkan lagi kebanyakan budaya baharu ini melibatkan golongan muda. Meskipun begitu, umum mengetahui bahawa pembaharuan amat diperlukan lebih- lebih lagi pada masa kini sejurus dengan pembangunan era globalisasi yang menyebabkan mudah untuk mendapatkan maklumat kerana semuanya di hujung jari. Oleh itu lebih mudah untuk seseorang individu untuk mencari maklumat tentang budaya tersebut. Namun begitu, lebih banyak impak negatif daripada positif dalam konteks ini.

Keadaan ini telah menyebabkan perubahan yang ketara dalam pembangunan sosial dan telah wujudnya sub budaya yang mengganggu gugat pembentukan dan perkembangan tingkah laku golongan belia. Dapatan hasil kajian menunjukkan golongan belia telah terjebak dengan tingkah laku hedonisme yang mementingkan keseronokan secara berlebihan. Tingkah laku hedonisme ialah nilai kepentingan peribadi yang merangsang pembentukan tingkah laku untuk memenuhi keperluan dan sosial melalui keputusan yang dibuat berasaskan hawa nafsu.

Hasil daripada dapatan kajian juga menunjukkan pelbagai langkah daripada pihak yang berwajib dan sokongan padu daripada rakyat Malaysia dalam membendung penularan gejala budaya hedonisme perlu di ambil kira sekiranya kita ingin melahirkan generasi yang bebas daripada budaya tersebut dan mempunyai matlamat hidup mereka tersendiri. Kita sedia maklum bahawa perkara ini terjadi disebabkan oleh diri kita sendiri jadi langkah awal yang boleh di ambil adalah dengan mengubah cara pespektif kita dan juga gaya kehidupan kita. Penerapan dan pengukuhan nilai- nilai murni amatlah penting. Perkara ini perlu dilaksanakan tatkala anak- anak masih kecil lagi.

Dalam era globalisasi ini, penggunaan media massa dan media sosial amat penting. Jadi tidak salah sekiranya individu menggunakan media yang ada untuk menyebarkan perkara positif agar budaya hedonisme dapat diatasi. Sebagai contoh, pihak kerajaan boleh mewujudkan sistem ilmu melalui media massa seperti media islami supaya dapat meningkatkan pengetahuan dan keimanan penonton yang mendengarnya. Selain itu, kerajaan boleh menyekat dan memantau aplikasi – aplikasi dan laman sesawang yang boleh menyebabkan penularan budaya hedonisme ini.

Kesimpulannya semua pihak harus berganding bahu agar budaya hedonisme ini dapat dibendung semaksimum mungkin. Perkara ini tidak mustahil sekiranya semua pihak memainkan peranan mereka yang tersendiri. Kita harus ingat generasi ini yang satu hari nanti akan memimpin kita dan kita tidak mahu sekiranya budaya hedonisme ini mempengaruhi minda mereka.

PENGHARGAAN

Terima kasih diucapkan kepada mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas bantuan dan maklumat yang diberikan untuk memastikan kejayaan kajian ini.

RUJUKAN

- Alwisol. 2011. Psikologi Kepribadian. Malang: UMM PRES.
- Asmah dan Zulekha dlm. Zakiyah Jamaluddin. 2004. Ikatan Dan Kawalan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Delinkuens. Jabatan Kerja Sosial. Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia. Universiti Utara Malaysia.
- Azlina A.M., Raja Zirwatul Aida & Siti Aisyah Saat. 2007. Kebimbingan Akademik dan Kerjaya serta Hubungan Kekeluargaan: Satu Tinjauan 29 Delinkuen Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/ Pelajar Muslim Bersepadu Terhadap Golongan Remaja di luar bandar. *Malaysian Journal of Social Administration*, 4, 77-86.
- Badrulzaman. 2006. Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkahlaku devien remaja di daerah Pontian Johor. Tesis Sarjana Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Buerah Tunggak, Shanah Ngadi, Hamimah Abu Naim. 2015. Delinkuen Pelajar dan Cadangan Penyelesaian menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/Pelajar Muslim Bersepadu. *Jurnal Hadhari*, 7 (2) 11-30.
- G.H.R. Parkinson et al. (Eds.), *An Encyclopaedia of Philosophy*, Routledge, London, 1996, hlm. 894.
- Sidgwich. H. 1981. *The Methods of Ethics*. Hackett Publishing.
- Jeremy Bentham. 1970. *An Introduction to the Principles of Morals and Legislation*, Edt J.Hm Burns & H.L.A Hart. London: The Athone press.
- Kamus Malaysiana. 1994. Kuala Lumpur: Ensimal (M) Sdn Bhd.
- Kamus Dewan. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mill, J. 1992. "Government". dlm. J. Mill, James Mill: *Political Writings*, ed. T. Ball. Cambridge: Cambridge University Press, pp 1– 42.
- Mohd Fadhli Mohd Sulaiman. 2021. Budaya "Sugar-daddy – Sugar- baby" membimbangkan. *Utusan Harian Online*, 11 Februari.
- Nalewajek, M., & Macik, R. 2013. The impact of virtual communities on enhancing hedonistic consumer attitudes. *Zeszyty Naukowe Szkoły Głównej Gospodarstwa Wiejskiego W Warszawie. Polityki Europejskie, Finanse I Marketing*, 10 (59).
- Sinar Harian. 2013. Hedonisme hidup subur, jati diri mati terkubur. *Sinar harian*. 15 Februari

Susaladevy a/p Muthusamy. 2004. Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Masalah Ponteng di Sekolah. Tesis Sarjana Pendidikan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. 2010.

MAKLUMAT PENULIS

SHAHIDAH HAMZAH

Jabatan Sains Sosial,
Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400 Parit Raja, Johor, Malaysia
shahidahh@uthm.edu.my

NUR HAFIZAH YUSOFF

Antropologi dan Sosiologi,
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (SEEDS),
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
nur_hafizah@ukm.edu.my

FAUZIAH ANI

Jabatan Sains Sosial,
Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400 Parit Raja, Johor, Malaysia
fauziaha@uthm.edu.my

ZHRUL AKMAL BIN DAMIN

Jabatan Sains Sosial,
Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400 Parit Raja, Johor, Malaysia
zahruld@uthm.edu.my